

13 APR 1997

LEBIH 5,000 ORANG NIKMATI HIDANGAN DI PESTA MAKANAN

PULAU PINANG, 13 April (Bernama) -- Hujan renyai-renyai tidak menghalang lebih 5,000 orang menikmati pelbagai hidangan sempena Pesta Makanan Antarabangsa Pulau Pinang '97 di Padang Kota Lama di sini malam ini.

Sambil menikmati makanan yang dijual oleh hotel-hotel terkemuka, restoran dan gerai terbaik di negeri ini, pengunjung termasuk ribuan pelancong asing dihiburkan dengan persembahan nyanyian dan tarian tradisional oleh penyanyi Erra Fazira dan Mindy Quah.

Perasmian pesta selama seminggu itu yang sepatutnya dilakukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Bagaimanapun, ia dilakukan oleh Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Su Koon.

Koh dalam ucapannya berkata kerajaan dan rakyat Pulau Pinang bercadang memberi "Anugerah Khas" kepada Dr Mahathir sebagai penghormatan kepada beliau kerana menerima empat anugerah peringkat antarabangsa baru-baru ini.

Koh berkata rakyat Pulau Pinang turut berbangga dengan anugerah yang diterima oleh perdana Menteri dan menyanjung tinggi komitmen serta wawasan beliau untuk membangunkan negara. -- BERNAMA

RA FAZ